

## ◆ Contoh Ulasan (1) ◆

Gambar di bawah menunjukkan poster piramid makanan. Tulis ulasan tentang piramid makanan tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



[Contoh Jawapan daripada SISC+ Sabah]

Gambar di bawah menunjukkan poster makanan sebagai panduan makan secara sihat. Kita harus makan paling banyak makanan seperti bijirin dan ubi kerana dapat membekalkan tenaga. Seterusnya, kita perlu makan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran yang mengandungi vitamin. Makanan seperti susu, dadih, keju, ikan, ayam, daging dan kekacang perlu dimakan secara sederhana. Makan paling sedikit seperti lemak, minyak, garam dan gula supaya dapat mengelakkan penyakit kencing manis. Akhir sekali, kita perlu mengamalkan makan makanan secara sihat supaya kita sihat sepanjang hayat.

(80 patah perkataan)


(Dipetik daripada <http://www.moe.gov.my>)

## ◆ Contoh Ulasan (2) ◆

Gambar di bawah menunjukkan pokok kelapa yang dikenali sebagai pokok seribu guna.

Tulis ulasan tentang keistimewaan pokok kelapa dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



(Dipetik daripada SISC+ SABAH)

## [Contoh Jawapan]

Pokok kelapa mempunyai banyak kegunaannya. Antaranya, air pokok kelapa sangat baik untuk diminum bagi merendahkan suhu badan terutama ketika kita demam. Selain itu, daun pokok kelapa boleh dianyam sebagai ketupat yang digunakan ketika musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri. Seterusnya, batang pokok kelapa boleh dijadikan titi yang digunakan untuk menyeberangi parit atau sungai. Kelapa juga boleh diproses menjadi sabun yang digunakan untuk membersihkan tubuh badan ketika kita mandi. Akhir sekali, kelapa boleh dibuat majerin. Majerin pula berguna ketika membuat biskut atau kuih.

(80 patah perkataan)

### ◆ Contoh Ulasan (3) ◆

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan semasa cuti sekolah.

Tulis ulasan tentang aktiviti-aktiviti tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



### [Contoh Jawapan]

Terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan semasa cuti sekolah. Antaranya, kita boleh berkebun di rumah bersama keluarga untuk mencantikkan rumah. Selain itu, kita boleh mengulang kaji pelajaran bersama kawan-kawan di perpustakaan supaya lebih memahami pelajaran. Sementara itu, kita boleh melawat ke tempat menarik seperti zoo bagi menambah ilmu pengetahuan. Di samping itu, kita boleh beriadah bersama keluarga di taman rekreasi untuk menyihatkan badan. Kesimpulannya, kita harus melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah semasa cuti sekolah.

(73 patah perkataan)

## ◆ Contoh Ulasan (4) ◆

Gambar di bawah menunjukkan tentang penjagaan adab semasa berkawan.

Tulis ulasan tentang penjagaan adab semasa berkawan dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

### **PENJAGAAN ADAB SEMASA BERKAWAN**



Mengasihi kawan	Menegur secara berhemah	Menghormati kawan	Menghindari perbuatan yang menyakiti kawan
<ul style="list-style-type: none"><li>• seperti mengasihi diri sendiri</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• tidak menyingung perasaan kawan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• tidak memburukkan kawan di hadapan orang lain</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• sesetengah orang tidak boleh menerima gurauan</li></ul>

### [Contoh Jawapan]

Terdapat beberapa penjagaan adab semasa berkawan. Antaranya, kita hendaklah mengasihi kawan seperti mengasihi diri kita sendiri. Selain itu, kita haruslah menegur kawan yang melakukan kesilapan secara berhemah. Cara ini tidak akan menyinggung perasaan kawan. Sementara itu, kita patutlah menghormati kawan dengan tidak memburukkan kawan di hadapan orang lain. Di samping itu, kita hendaklah menghindari perbuatan yang menyakiti perasaan kawan kerana ada sesetengah orang yang tidak boleh menerima gurauan. Kesimpulannya, kita akan lebih dikasihi kawan sekiranya kita menjaga adab semasa berkawan.

(80 patah perkataan)

### ◆ Contoh Ulasan (5) ◆

Gambar di bawah menunjukkan cara-cara menjaga bumi kita. Tulis ulasan tentang cara-cara tersebut dalam bentuk perenggan. Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

## CARA-CARA MENJAGA BUMI KITA



### [Contoh Jawapan]

Terdapat beberapa cara untuk menjaga bumi kita. Antaranya, pihak kerajaan harus menghalang pencemaran udara dengan menguatkuasakan undang-undang. Sementara itu, pihak sekolah hendaklah mengadakan Kempen Hari Bumi bagi menyemai perasaan sayangi bumi kita dalam kalangan warga sekolah. Seterusnya, murid-murid boleh menanam pokok dan bunga di sekeliling sekolah bagi menyokong Hari Bumi. Selain itu, media massa boleh menyiarkan dokumentari Hari Bumi bagi menambah kesedaran para penonton tentang Hari Bumi. Kesimpulannya, kita mestilah menjaga dan menyayangi bumi kita kerana bumi tempat tinggal kita.

(75 patah perkataan)

## ◆ Contoh Ulasan (6) ◆

Gambar di bawah menunjukkan panduan berbelanja secara bijak.

Tulis ulasan tentang panduan berbelanja secara bijak dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.



### [Contoh Jawapan]

Terdapat beberapa panduan untuk berbelanja secara bijak. Antaranya, kita perlulah merancang perbelanjaan terlebih dahulu bagi mengelakkan daripada melakukan pembaziran. Selain itu, kita hendaklah menyenaraikan barang keperluan supaya dapat mengelakkan diri daripada membeli barangan yang tidak perlu. Sementara itu, kita mestilah membuat perbandingan harga bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa kepada peniaga yang menaikkan harga barang. Akhir sekali, kita haruslah merekod perbelanjaan kita supaya dapat mengira jumlah perbelanjaan dengan tepat. Kesimpulannya, kita patut berbelanja secara bijak supaya wang dapat diuruskan dengan baik.

(75 patah perkataan)